

Headline	TH nafi kewangan lemah, sukar bayar pendeposit		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 10,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,024



# TH nafi kewangan lemah, sukar bayar pendeposit

➔ Rafizi digesa tak politikkan agensi kerana simpanan dijamin kerajaan

Oleh Ahmad Suhael Adnan

ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**L**embaga Tabung Haji (TH) menafikan dakwaan badan itu berdepan kedudukan kewangan yang lemah seperti didakwa Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli.

Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Johan Abdullah, berkata dakwaan mengatakan TH tidak cukup wang untuk membayar pendeposit sekiranya mereka mengeluarkan simpanan sekali gus, adalah tidak benar dan boleh mengelirukan orang ramai.

Katanya, perkara itu dapat dilihat dengan jelas dalam Laporan Tahunan TH 2015 yang menyatakan badan itu memi-

liki RM64.74 bilion nilai aset boleh tunai berbanding RM4.97

bilion simpanan bersih pendeposit pada kedudukan kewangan berakhir 31 Disember 2015.

## Bayar bonus guna keuntungan

Malah katanya, TH sudah pasti tidak dapat membayar bonus kepada pendeposit sekiranya aset dimiliki badan itu kurang daripada liabiliti.

"TH tidak bersandarkan simpanan bersih pendeposit untuk membayar bonus, sebaliknya adalah daripada keuntungan.

"Simpanan pendeposit TH mengikut konsep Al Wadiah Yad Dhamanah, iaitu simpanan dijamin kerajaan. Maksudnya, setiap jumlah wang diberikan pendeposit akan diperoleh semula walau dalam apa jua keadaan.

"Jangan politikkan TH kerana

kami sentiasa bekerja keras untuk kesejahteraan jemaah dan pendeposit.

"Kami bimbang dakwaan tidak tepat terhadap TH menyebabkan orang awam keliru dan mengeluarkan wang menyebabkan mereka kehilangan gilirannya menunaikan haji seperti yang berlaku sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media berhubung isu kedudukan kewangan TH di sini, semalam.

Kelmarin, Rafizi sekali lagi menyerang TH apabila mendakwa pengendali ibadah haji itu berhadapan kedudukan kewangan yang lemah.

## Laporan tidak benar

Awal tahun ini, Rafizi turut melakukan serangan sama terhadap TH, hingga ada pendeposit

terpengaruh dan bertindak mengeluarkan wang pendaftaran haji, menyebabkan mereka terpaksa menunggu giliran 83 tahun lagi untuk ke Tanah Suci sedangkan ada yang sepatutnya menunaikan ibadah haji tahun depan.

Mengulas lanjut, Johan berkata, dakwaan mengatakan pelaburan TH dalam pelbagai portfolio berdepan kerugian kepada RM3.09 bilion juga tidak tepat kerana ia bukanlah nilai aset boleh tunai, selain membabitkan pelaburan jangka panjang.

"Sebagai badan yang bertanggungjawab, TH tidak berselindung dalam memberikan fakta sebenar kewangan dalam Laporan Tahunan TH yang diterbitkan dan laporan itu juga mendapat sijil auditan bersih daripada Jabatan Audit Negara," katanya.

Headline	TH nafi kewangan lemah, sukar bayar pendeposit		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Nov 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 10,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,024



Kami bimbang dakwaan tidak tepat terhadap TH menyebabkan orang awam keliru dan mengeluarkan wang menyebabkan mereka kehilangan giliran menunaikan haji seperti yang berlaku sebelum ini”

**Johan Abdullah,**  
Pengarah Urusan Kumpulan  
merangkap Ketua Pegawai  
Eksekutif TH